



Ruj Kami : JANM.BPOPP.600-15/4/13 (21)
Tarikh : 2 September 2022

Ketua Akauntan, Bahagian Akaun Kementerian
Pengarah JANM Negeri/Cawangan

Tuan/ Puan,

SURAT EDARAN BPOPP BILANGAN 13 TAHUN 2022

PROSEDUR KERJA

**PROSES PERMOHONAN PENGGUNAAN *SUPER USER* ID BAGI MEMBUAT PELARASAN
JURNAL UNTUK MELARASKAN KESILAPAN KOD AKAUN MELIBATKAN TRANSAKSI
PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sepertimana yang telah dibentangkan dan dipersetujui di dalam Mesyuarat Pengarah Negeri/ Cawangan dan Ketua Akauntan (MPKA) Bilangan 2 Tahun 2022, bersama-sama ini dikemukakan prosedur kerja Proses Permohonan Penggunaan Super User ID bagi tujuan membuat pelarasan **jurnal untuk melaraskan kesilapan kod akaun** melibatkan transaksi perbelanjaan melebihi peruntukan. Keperluan menggunakan *Super User ID* di Pejabat Perakaunan adalah berikutan kawalan sistem yang tidak membenarkan pelarasan perbelanjaan melebihi peruntukan.

3. Prosedur kerja ini bertujuan memberi panduan penggunaan *Super User ID* di Pejabat Perakaunan termasuk Pusat Tanggungjawab (PTJ). Kerjasama Pejabat Perakaunan mematuhi prosedur ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD AZRAAI BIN MD AZNAN C.A. (M))

Pengarah
Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan
b/p Akauntan Negara Malaysia